KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	18/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

Kosmo 18.11.2021_38



SALAH seorang pemenang bergambar bersama keluarga selepas menerima hadiah yang disampaikan oleh wakil TNB Kuala Lumpur.



WAKIL TNB di negeri Melaka menyerahkan hadiah kepada pemenang pertandingan yang telah disertai oleh 202 buah sekolah di seluruh Semenanjung.

Kesedaran jimat elektrik meningkat

PETALING JAYA – Pertandingan Kesedaran Kecekapan Tenaga Elektrik Di Rumah, Zero Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar anjuran Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, Kelab Duta Rimba berjaya menarik penyertaan 1,562 pelajar dari 202 sekolah di Semenanjung.

Jumlah penyertaan yang baik itu mencerminkan minat dan kesungguhan dalam mempraktikkan amalan tenaga elektrik secara cekap dan berhemah.

Melalui pertandingan tesebut, pelajar dengan bantuan ibu bapa mereka perlu memuat turun aplikasi TNB dan merekodkan bacaan bil elektrik selama empat bulan bermula Mei hingga Ogos 2021.

Pemenang dikenal pasti berdasarkan jumlah penurunan penggunaan tenaga elektrik sepanjang tempoh pertandingan.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, dalam pertandingan tersebut, aplikasi myTNB berperanan sebagai platform digital yang memperkasakan pelanggan dalam memantau penggunaan tenaga elektrik mereka.

"Ini menggalakkan amalan penggunaan elektrik secara berhemah, di samping mengurangkan pembaziran elektrik.

"Saya percaya, generasi muda adalah penentu masa depan dalam memastikan komuniti Malaysia cekap tenaga dan berubah kepada gaya hidup pintar.

"Langkah pemantauan dengan myTNB terbukti berkesan kerana berdasarkan keputusan pertandingan, seramai 305 daripada 1,562 penyertaan telah berjaya menurunkan penggunaan tenaga elektrik melebihi 10 peratus selama empat bulan berturut-turut semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0," katanya dalam satu kenyataan.

Seramai 108 pelajar dikenalpasti sebagai pemenang dan hadiah bernilai RM47,250 dalam bentuk baucar beli-belah turut dihantar secara peribadi kepada mereka oleh wakil TNB.